

Banjir di Kuala Selangor

BH - 25/1

terkawal: Dr Khir

KLANG: Seramai 26 orang daripada 60 mangsa banjir di dua kampung di Batang Berjuntai di Kuala Selangor, dekat sini, masih ditempatkan di pusat pemindahan sehingga semalam, kata Menteri Besar, Datuk Seri Dr Mohamad Khir Toyo.

Ketika ini, katanya, hanya ada beberapa kawasan di Kuala Selangor yang masih dilanda banjir tetapi keadaan kini terkawal.

Beliau berkata, penduduk di kampung terbabit pernah diminta berpindah ke kawasan berhampiran yang lebih tinggi tetapi mereka enggan dan memilih untuk menetap di perkampungan asal.

"Saya dah kata, pindah ke ka-

“*Penduduk kampung terbabit pernah diminta berpindah ke kawasan tinggi tetapi mereka enggan”*

Dr Mohamad Khir Toyo
Menteri Besar Selangor

wasan tinggi, kebun tu tak apa, biarkan saja. Nanti kalau banjir, kebun ambil masa sedikit untuk rosak. Mereka (penduduk) akan berdepan kerugian barangan elektrik dan perabot rumah jika terus menetap di situ," katanya pada sidang media selepas mempengerusikan mesyuarat mingguan Exco di Pejabat Daerah, di sini, semalam.

"Tetapi mereka tak mahu dan tetap nak tinggal di situ. Kita cuma boleh nasihat, apa pun keputusan terletak di tangan mereka," katanya.

Sejak tiga hari lalu, 31 keluarga dari Kampung Rantau Panjang dan Kampung Jaya Setia ditempatkan di dua pusat pemindahan iaitu di Balai Raya Rantau Panjang dan Dewan Projek Barat Laut.

Dr Mohamad Khir seterusnya mengarahkan seluruh jabatan kerajaan dan agensi penyelamat bersedia menghadapi banjir di Selangor berikutan amaran hujan lebat mulai 26 Januari ini yang dikeluarkan Jabatan Meteorologi Malaysia.

Katanya, semua jabatan kerajaan perlu menggerakkan semua jawatankuasa bencana alam di kawasan masing-masing selain mengenal pasti tempat yang perlu digunakan sebagai pusat pemindahan sementara.